

INSENTIF KHAIRAT KEMATIAN

Insentif khairat kematian adalah untuk anggota atau keluarga anggota.

Jenis Kelayakan	Insentif (RM)
Anggota	300.00
Keluarga Anggota	150.00

Syarat-syarat :-

1. Simati adalah anggota Koperasi Sejati Berhad atau keluarga anggota.
 - i. Waris yang berhak adalah terdiri daripada suami atau isteri, anak dan ibubapa.
 - ii. Permohonan adalah dari seorang waris sahaja
 - iii. Keanggotaan dan pembiayaan hendaklah aktif dan tidak mempunyai rekod akaun tidak berbayar (NPL).
 - iv. Permohonan mesti diterima dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kematian anggota atau keluarga anggota.

2. Dokumen yang diperlukan untuk tujuan tuntutan adalah seperti berikut:-
 - i. Surat pengesahan sebagai waris anggota.
 - ii. Salinan sijil kematian anggota atau keluarganya yang telah disahkan.
 - iii. Salinan kad pengenalan anggota atau keluarganya yang telah disahkan.
 - iv. Salinan kad pengenalan waris yang disahkan.
 - v. Bukti hubungan waris dengan anggota atau keluarganya seperti salinan sijil nikah atau sijil kelahiran.

** Kelulusan bagi setiap permohonan adalah tertakluk kepada pertimbangan dan budi bicara pihak pengurusan.*

***Berkuat kuasa dari 24hb Jun 2023*